

PULAU PINANG, 19 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENAFIKAN DAKWAAN KONONNYA BARISAN NASIONAL (BN) KINI SEMAKIN +GÖYANG+ EKORAN PERUBAHAN YANG BERLAKU DI KALANGAN PARTI PEMBANGKANG.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PEMBERITA BAHAWA TANGGAPAN SEDEMIKIAN HANYALAH PANDANGAN PIHAK LUAR SAHAJA.

KETIKA DITANYA SAMA ADA PEMBANGKANG KINI SEMAKIN KUAT BERBANDING DENGAN DAHULU, BELIAU BERKATA: +ITU ANGGAPAN ORANG LUAR SAHAJA, ANGGAPAN SAYA ... DIA (PEMBANGKANG) TAK KUAT... DIA LEMAH.+

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN, BERKATA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI TIDAK MENAMPAKKAN SEBARANG PERBEZAAN BERBANDING DENGAN YANG LEPAS.

+TIDAK ADA APA-APA PERUBAHAN...PILIHAN RAYA INI SAMA SEPERTI YANG DAHULU,+ KATANYA SELEPAS BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN RAKYAT DI DEWAN PERHIMPUNAN CINA DI SINI.

DALAM UCAPANNYA, BELIAU BERKATA, DAP BUKANLAH SEBUAH PARTI YANG MEMBINA TETAPI LEBIH KEPADA SEBUAH PARTI YANG BERSIFAT NEGATIF. -- LAGI

1421MST 19 10 90

D318

U B930 AAB
MAHATHIR - BN 2 PULAU PINANG

BELIAU MENYIFATKAN SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCİK LIM KIT SIANG SEBAGAI DIKTATOR KERANA BELIAU (KIT SIANG) SEORANG SAHAJA YANG MEMBUAT KEPUTUSAN DALAM MENENTUKAN ARAH PARTI ITU.

+MEREKA YANG TIDAK BERSETUJU DENGAN KEPUTUSANNYA TIDAK AKAN MENDAPAT TEMPAT DALAM PARTI ITU, MALAHAN AKAN DIPECAT,+ KATANYA, Sambil menggesa penduduk bandar menyokong BN kerana pemilih tidak akan rugi apa-apa tetapi akan mendapat banyak faedah dengan berbuat demikian.

BELIAU BERKATA, PENDUDUK BANDAR SEHARUSNYA MENGENANG JASA DAN BUDI BN YANG TELAH BANYAK MENYEDIAKAN KESENANGAN KEPADA RAKYAT, SEDANGKAN DAP TIDAK BERBUAT APA-APA PUN.

+PEMILIH TIDAK HARUS MENSIA-SIAKAN HAK MENGUNDI DENGAN MEMILIH MEREKA YANG HANYA TAHU MEMBUAT BISING, MEMBALING BUKU DAN BERTINDAK KELUAR DARI DEWAN APABILA CADANGAN MEREKA TIDAK DIPERSETUJUI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, PAKATAN ANTARA PARTI-PARTI PEMBANGKANG AMAT LONGGAR DAN OLEH ITU TIDAK MUNGKIN (JIKA MENANG) DAPAT MENTADBIR DENGAN BAIK. -- LAGI

1426MST 19 10 90

D319

U B931 AAB
MAHATHIR - BN 3 PULAU PINANG

KATANYA, PAKATAN PEMBANGKANG ITU JUGA HANYA DAPAT DIADAKAN SEMASA PILIHAN RAYA INI SAHAJA MANAKALA SELEPAS PILIHAN RAYA, MEREKA AKAN BERTELAGAH.

KETUA MENTERI DR LIM CHONG EU PULA MENYIFATKAN DATUK SERI DR MAHATHIR SEBAGAI PEMIMPIN YANG PALING CEMERLANG DALAM SEJARAH NEGARA.

KATANYA, SETELAH BERKHIDMAT DI BAWAH EMPAT PERDANA MENTERI, BELIAU MENDAPATI DATUK SERI DR MAHATHIR MERUPAKAN PERDANA MENTERI YANG TERBAIK.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI PENDIDIKAN ENCİK ANWAR IBRAHİM.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID SUNGAI TIRAM, BAYAN LEPAS SEBELUM BERANGKAT KE KANGAR.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENGADAKAN PERTEMUAN TERTUTUP SELAMA 40 MINIT DENGAN CALON-CALON BARISAN NASIONAL PULAU PINANG DI KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK. -- BERNAMA